

Headline	Sahrom stabil, tumpu rawatan buah pinggang		
MediaTitle	Sinar Harian	Language	Malay
Date	18 Jan 2019	Readership	509,000
Circulation	160,000	Page No	18
Section	Selangor & KL	Journalist	N/A
ArticleSize	218 cm²		
PR Value	RM 11,157		



Sahrom stabil, tumpu rawatan buah pinggang

SUBANG JAYA - Rakyat Malaysia yang diserang strok di London, Sahrom Ahmad, 59, dilaporkan stabil dan kini sedang menjalani rawatan khusus untuk buah pinggang.

Terdahulu, Sahrom dibawa pulang ke Malaysia petang kelmarin dan menyambung rawatannya di Pusat Perubatan Subang Jaya (SJMC).

Pakar Bedah Otak, Dr RMuruga Kumar berkata, sebaik Sahrom tiba di SJMC kelmarin, pihaknya terus melakukan beberapa pemeriksaan termasuk imbasan serta mengambil sampel darah untuk rawatan susulan.

Beliau berkata, pihaknya akan membuat penilaian lebih terperinci selepas memperoleh keputusan imbasan serta ujian darah.

"Buat masa ini kita akan fokuskan kepada rawatan buah pinggang Sahrom yang didapati gagal berfungsi dengan baik.

"Selepas rawatan itu selesai dan pastikan tiada sebarang jangkitan kuman, baru kita tumpukan kepada proses pemulihan strok yang sekurang-kurangnya mengambil masa tiga ke empat bulan," katanya pada sidang akhbar di lobi Mediplex SJMC, semalam.

Menurutnya, berdasarkan per-



Nur Amalina (kiri) ketika sidang akhbar berhubung perkembangan bapanya di Mediplex, SJMC, di sini, semalam.

kembangan kesihatan Sahrom ketika ini, beliau positif pesara Tenaga Nasional Berhad (TNB) mempunyai peluang yang tinggi untuk pulih kembali.

"Saya yakin beliau boleh pulih tapi akan ambil masa," katanya.

Sementara itu, anak Sahrom, Nur Amalina ketika ditemui memberitahu beliau lega urusan untuk membawa bapanya pulang ke negara ini, sekaligus menerima rawatan di sini dipermudahkan.

Menurutnya, pada peringkat awal beliau sebenarnya tidak yakin

dapat membawa pulang bapanya secepat ini ekoran masalah kewangan akibat kos rawatan serta kos bawa balik yang sangat tinggi.

Namun katanya, dengan sumbangan diterima daripada ramai pihak menerusi kempen 'gofund-me' serta akaun peribadi.

"Terima kasih kepada semua pihak termasuk rakyat Malaysia serta luar negara, pihak SJMC, kedutaan Malaysia termasuk TNB yang banyak membantu dari segi sumbangan dan urusan membawa pulang ayah," katanya.